

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



وَكَلِمَاتٍ مُّسَبِّحَةٍ يُسَبِّحُونَ بِهَا أَلْفَ مِائَةِ مَرَّةٍ
 جَابِتِنَ قَدِّ يَدِي قِنَ بَانِكْرَابِي جَوْهَرَا



Menyingkap Tabir 'Asyura

19 Ogos 2021 (10 Muharram 1443H) Khamis, 7.45
 *Dijalankan secara dalam talian, pendaftaran SPLKPM disediakan

USTAZ MUHADIR HAJI JOLL
 Pendakwah Bebas

Dengan Kerjasama




Ikuti kami :



PEKDIS Cawangan Johor
 PEKDIS Johor TV



Sektor Pendidikan Islam
 Jabatan Pendidikan Negeri Johor.



Al-Allamah
al-Muhaddits
Syaikh Abdul Fattah
Abu Ghuddah

"هذا هو خير
على خير من خير
الله."

"Inilah sebuah
kebaikan di atas
kebaikan daripada
kebaikan-kebaikan
Allah."

(1) Muharram termasuk *al-asyhur al-hurum* (bulan-bulan mulia: Zulqaedah, Zulhijjah, Muharram & Rajab) & disebut di dalam Al-Qur'an

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا
فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ
مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ.

“Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah adalah 12 bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya adalah **4 bulan haram...**” (At-Taubah: 36)

Puasa bulan Muharam adalah puasa paling afdhal selepas puasa Ramadhan

Daripada Sayyidina Abu Hurairah berkata,
“Rasulullah bersabda:

أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ
شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمِ.

“Puasa yang paling afdhal selepas bulan Ramadhan ialah (puasa) bulan Allah, iaitu Muharam.” (Riwayat Imam Muslim)

Ijma': Sunat berpuasa sepanjang Muharram

(a) **Mazhab Hanafi**
(*Al-Fatawa al-Hindiyyah*, 1/201)

(b) **Mazhab Maliki**
(*Mawahib al-Jalil*,
3/319)

(c) **Mazhab Syafi'i**
(*Al-Majmu'*, 6/386)

(d) **Mazhab Hanbali**
(*Al-Inshaf*, 3/345)

(2) Peristiwa-peristiwa penting & besar berlaku pada hari 'Asyura

(i) Bahtera Nabi Nuh mendarat di atas Gunung Judi

وَهَذَا يَوْمٌ اسْتَوَتْ فِيهِ السَّفِينَةُ عَلَى
الْجُودِيِّ، فَصَامَهُ نُوحٌ شُكْرًا لِلَّهِ.

“Ini adalah hari bahtera (Nabi Nuh) mendarat di atas Gunung Judi, lalu (Nabi) Nuh berpuasa sebagai tanda syukur kepada Allah.”

(Riwayat Imam Ahmad)

(ii) Bani Israel selamat daripada Firaun & tentera-tenteranya

Daripada Sayyidina Ibnu Abbas berkata:

قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، فَرَأَى الْيَهُودَ تَصُومُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، فَقَالَ: مَا هَذَا؟ قَالُوا: هَذَا يَوْمٌ صَالِحٌ، هَذَا يَوْمٌ نَجَّى اللَّهُ بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنْ عَدُوِّهِمْ، فَصَامَهُ مُوسَى شُكْرًا، قَالَ: فَأَنَا أَحَقُّ بِمُوسَى مِنْكُمْ، نَحْنُ نَصُومُهُ تَعْظِيمًا لَهُ.

“Nabi tiba di Madinah. Lalu Baginda melihat orang Yahudi berpuasa pada hari ‘Asyura. Baginda pun bertanya, “Apakah ini?” Mereka menjawab, “Ini hari yang baik. Hari ini Allah telah menyelamatkan Bani Israil daripada musuh mereka, lalu Musa berpuasa sebagai tanda syukur.” Baginda berkata, “Aku lebih berhak terhadap Musa daripada kamu. Kami akan berpuasa untuk mengagungkannya.”

(Riwayat Imam Al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad, Imam Abu Daud dan lain-lain.)

**(iii) Orang Quraisy & Yahudi
membesarkannya dengan puasa,
menjadikannya hari raya & menutup
Ka'bah dengan kiswah**

Daripada Sayyidatina Aisyah berkata:

كَانَ يَوْمُ عَاشُورَاءَ تَصُومُهُ قُرَيْشٌ فِي الْجَاهِلِيَّةِ.

“Pada hari ‘Asyura, orang Quraisy berpuasa pada masa jahiliyyah.”

(Riwayat Imam Al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad,
Imam At-Tirmizi dan lain-lain.)

Daripada Sayyidatina Aisyah berkata:

وَكَانَ يَوْمًا تُسْتَرَفِيهِ الْكَعْبَةُ.

“Dan pada hari itu (‘Asyura) Ka’bah ditutup dengan kain (kiswah).”

(Riwayat Imam Al-Bukhari)

Daripada Sayyidina Ibnu Abbas berkata:

قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ،
فَرَأَى الْيَهُودَ تَصُومُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ.

“Nabi tiba di Madinah. Lalu Baginda melihat orang Yahudi berpuasa pada hari ‘Asyura.”

(Riwayat Imam Al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad, Imam Abu Daud dan lain-lain.)

Daripada Sayyidina Abu Musa al-Asy'ari,
Nabi bersabda:

كَانَ يَوْمٌ عَاشُورَاءَ تَعُدُّهُ الْيَهُودُ
عِيدًا، فَصُومُوهُ أَنْتُمْ.

“Hari ‘Asyura dahulunya dianggap oleh orang Yahudi
sebagai hari raya, maka hendaklah kamu berpuasa pada
hari itu.”

(Riwayat Imam Al-Bukhari)

Daripada Sayyidina Ibnu Abbas berkata:

صَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ
عَاشُورَاءَ، وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ، قَالُوا: يَا رَسُولَ
اللَّهِ، إِنَّهُ يَوْمٌ تُعْظِمُهُ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى.

“Rasulullah berpuasa pada hari ‘Asyura dan memerintahkan berpuasa. Mereka (para sahabat) berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya ia adalah hari yang orang Yahudi dan Nasrani mengagungkannya.”

(Riwayat Imam Muslim, Imam Abu Daud, Imam Al-Baihaqi dalam *Al-Kubra*, *Ash-Shugra* dan *Syu’b al-Iman* dan lain-lain.)

(iv) Cucu Rasulullah,
Sayyidina Husain bin Ali
terbunuh pada hari
Jumaat, selepas Asar

Puasa hari 'Asyura (10 Muharram)

**(a) Nabi pernah berpuasa hari 'Asyura sebelumnya
di Makkah**

Daripada Sayyidatina Aisyah berkata:

كَانَ يَوْمٌ عَاشُورَاءَ تَصُومُهُ قُرَيْشٌ فِي
الْجَاهِلِيَّةِ، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَصُومُهُ.

“Pada hari ‘Asyura, orang Quraisy berpuasa pada masa jahiliyyah. Rasulullah juga berpuasa.”

(Riwayat Imam Al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad, Imam At-Tirmizi dan lain-lain.)

**(b) Orang Quraisy & Yahudi
berpuasa hari 'Asyura untuk
membesarkannya.**

(c) Nabi mewajibkannya pada peringkat awal

Daripada Sayyidatina Aisyah berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ
بِصِيَامِ يَوْمِ عَاشُورَاءَ، فَلَمَّا فُرِضَ رَمَضَانُ
كَانَ مَنْ شَاءَ صَامَ، وَمَنْ شَاءَ أَفْطَرَ.

“Rasulullah memerintahkan (wajib) untuk berpuasa pada hari ‘Asyura. Ketika difardhukan puasa Ramadhan, sesiapa yang mahu, dia boleh berpuasa dan sesiapa yang mahu, dia boleh berbuka (tidak berpuasa).”

(Riwayat Imam Al-Bukhari)

Daripada Sayyidina Ibnu Umar berkata:

صَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
عَاشُورَاءَ، وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ، فَلَمَّا
فُرِضَ رَمَضَانُ تُرِكَ.

“Nabi berpuasa pada hari ‘Asyura dan memerintahkan (wajib) untuk berpuasa. Ketika difardhukan puasa Ramadhan, Baginda meninggalkannya (tidak mewajibkannya).”

(Riwayat Imam Al-Bukhari)

(d) Nabi berpuasa hari 'Asyura di Madinah

Daripada Sayyidina Ibnu Abbas berkata:

صَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّهُ يَوْمٌ تُعْظِمُهُ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَإِذَا كَانَ الْعَامُ الْمُقْبِلُ، إِنْ شَاءَ اللَّهُ صُمْنَا الْيَوْمَ التَّاسِعَ، قَالَ: فَلَمْ يَأْتِ الْعَامُ الْمُقْبِلُ حَتَّى تُوَفِّي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

“Rasulullah berpuasa pada hari 'Asyura dan memerintahkan berpuasa. Mereka (para sahabat) berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya ia adalah hari yang orang Yahudi dan Nasrani mengagungkannya.” Lalu Rasulullah berkata, “Apabila datang tahun hadapan, insyaAllah kita akan berpuasa pada hari yang kesembilan.” Dia (perawi) berkata, “Belum sempat datang tahun hadapan sehingga Rasulullah telah wafat (sebelumnya).”

(Riwayat Imam Muslim, Imam Abu Daud, Imam Al-Baihaqi dalam *Al-Kubra*, *Ash-Shugra* dan *Syu'b al-Iman* dan lain-lain.)

Dalam riwayat lain:

لَئِنْ بَقِيتُ إِلَى قَابِلٍ،
لَأَصُومَنَّ التَّاسِعَ.

“Sekiranya aku masih hidup pada tahun hadapan, pasti aku akan berpuasa pada hari kesembilan.”

(Riwayat Imam Muslim, Imam Ahmad, Imam Ibnu Majah, Imam Al-Baihaqi, Imam Ibnu Abi Syaibah dalam *Mushanaf*nya, Imam Ath-Thabrani dalam *Al-Kabir*, Imam Ath-Thahawi dan lain-lain.)

**(e) Nabi memberi perhatian terhadap puasa hari
'Asyura**

Daripada Sayyidina Ibnu Abbas berkata:

مَا رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَحَرَّى صِيَامَ يَوْمٍ
فَضَّلَهُ عَلَى غَيْرِهِ، إِلَّا هَذَا الْيَوْمَ، يَوْمَ عَاشُورَاءَ
وَهَذَا الشَّهْرَ يَعْنِي شَهْرَ رَمَضَانَ.

“Aku tidak pernah melihat Nabi benar-benar memberi perhatian terhadap puasa sehari dan melebihkannya daripada selainnya, melainkan (puasa) pada hari ini (hari 'Asyura) dan (puasa) bulan ini iaitu bulan Ramadhan.”

(Riwayat Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim.)

Fadhilat puasa 'Asyura

Umum

كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ، الْحَسَنَةُ
عَشْرُ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ، قَالَ
اللَّهُ: إِلَّا الصَّوْمَ، فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أُجْزِي بِهِ.

“Setiap amalan kebaikan anak Adam akan digandakan.

Satu kebaikan menjadi 10 sehingga 700 kali ganda daripada kebaikan yang sepatutnya. Allah berfirman,

“Kecuali puasa kerana sesungguhnya ia untuk-Ku dan Akulah yang akan membalasnya.”

(Riwayat Imam Muslim)

Khusus

(i) Menghapus dosa setahun yang lalu

صِيَامُ يَوْمِ عَاشُورَاءَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ
أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ.

“Puasa hari ‘Asyura aku mengharapkan kepada Allah supaya menghapus dosa setahun yang lalu.”

(Riwayat Imam Muslim)

Imam Nawawi dalam *Syarh al-Muhazzab* (6/279):
“Fadhilatnya menghapuskan semua dosa-dosa kecil.”

Daripada Sayyidina Abu Qatadah al-Anshari berkata:

وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَاشُورَاءَ،
فَقَالَ: يُكْفِرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ.

“Baginda ditanya tentang puasa hari ‘Asyura, lalu Baginda menjawab, “Ia menghapuskan (dosa-dosa kecil) pada tahun lepas.”

(Riwayat Imam Muslim, Imam Ahmad, Imam Abu Daud, Imam Al-Baihaqi dan Imam Abdur Razzaq.)

Amalan-amalan lain

في يوم عاشوراء عشر تتصل

Pada hari 'Asyura ada 10 amalan yang bersambung

بها اثنتان ولها فضل نقل

Dengannya 2 mempunyai fadhilat yang dinukilkan (dalil)

صم صلّ صل زر عالماً عد واكتحل

Berpuasalah, solat, bersilaturrahim, ziarahilah orang alim, jenguklah dan pakailah celak

رأس اليتيم امسح، تصدق واغتسل

Kepala anak yatim usaplah, bersedekah dan mandilah

وسع على العيال، قلم ظفرًا

Luaskan kepada keluarga, potonglah kuku

وسورة الإخلاص قل ألفاً تصل

Surah Al-Ikhlâs, bacalah 1000 kali semoga sampai

(Kitab *I'ānah ath-Thalibin*, 2/267 dan lain-lain)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ،
نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ.

Imam Al-Ajhuri: “Dibaca 70 kali,
Allah jauhkan bencana daripadanya
pada tahun tersebut.”